

MEI 2008

<http://www.dbp.gov.my/majalah>

DEWAN

ديوان ايكونومي

# EKONOMI

SEMENANJUNG MALAYSIA RM6.50 •  
SABAH/SARAWAK RM7.00 •  
BRUNEI DARUSSALAM B\$6.50 •  
SINGAPORE S\$6.50 •

**“Saya  
tidak  
pernah  
diam.”**

TUN DAIM ZAINUDDIN

KR 330 912 15 0508  
ISSN 0128-8520





Beliau pernah menggegarkan Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 1993. Pernah gagal dalam perniagaan garam dan bangkit semula bersama Maluri. Menjadi Menteri Kewangan dua kali serta meramalkan Barisan Nasional menghadapi kesukaran dalam PRU ke-12. Daim pendiam tetapi tajam pandangannya. Ikuti pertemuan eksklusif *Dewan Ekonomi* dengan beliau baru-baru ini dan apakah pandangannya terhadap ekonomi Malaysia?

54-62

Surat Pembaca	3
• Inovasi Melonjakkan Industri Automotif	
Berita Ekonomi	4
• Inflasi di China Parah	
• KDNK dan Kadar Inflasi Negara Terpilih	
• George Soros	
• DPMM Berjaya di China	
• AISB Terima Pensijilan OHSAS 18001	
• SCORE Berikan Banyak Faedah kepada Sarawak	
• Harga Beras Semakin Tinggi	
• Frontken Buka Kilang Perkhidmatan di Iskandar Malaysia	
• Tiada Lagi AP Terbuka	
• Proton Sediakan Perkhidmatan Pemeriksaan Savvy	
Rencana Utama	9
• Antara Kenaikan Kos Dengan Inflasi	
• Hiperinflasi Strategi Untuk Menanganinya	
• Inflasi Pencetus Bencana Ekonomi	
• Hiperinflasi dan Adaptasi	
Wawancara	23
• Inflasi Juga Diperlukan	
Pengurusan dan Strategi I	25
• Peranan Sistem Kawalan Dalam Pengurusan Kualiti	
Industri I	28
• Pelabuhan di Tengah-tengah Arus Perubahan	
Ekonomi Islam	31
• Riba, Ribh dan Zakat	
Ekonomi Antarabangsa	34
• Menghadapi Keruntuhan Kapitalis	
Industri II	41
• Aplikasi E-Bisnes Dalam Industri Kecil dan Sederhana	
Ekonomi Dalam Negeri	44
• Memerangi Kemiskinan Tegar	
Pengurusan dan Strategi II	48
• Neurosis Pekerjaan	
Minda Ringgit	50
• Jutawan Dunia 2008	
Usahawan Seni	52
• Lukisan dan Kartun Lat Merentas Benua	
Korporat	54
• Saya Tidak Pernah Diam	
Ulasan Buku	63
• Formula Untuk Berjaya Dalam Perniagaan	
Dunia Dagang	64



KETUA EDITOR  
Padilah Haji Ali  
(padilah@dbp.gov.my)

EDITOR KANAN  
Abd. Razak Abu Bakar  
(razak3@dbp.gov.my)

TIMBALAN EDITOR  
Muhammad Azli Shukri  
(editor.dewanekonomi@yahoo.com)  
Junaidah Ahmad Ghazali  
(jun@dbp.gov.my)

PENOLONG EDITOR  
Muhamad Rafiq Abdul Rahman  
(rafiq@dbp.gov.my)

PENADBIRAN  
Jamilah Abdul Kadir, Aishah Salleh,  
Mohamad Zulhisyam Mohamad Yusop,  
Zaharah Ngah Marzuki,  
Ruzana Haji Samhudi,  
Zainab Abdul Rahim,  
Khairul Azhar Baharuddin

PENGERUSI LEMBAGA PENGELOLA  
Datuk Johan Jaafar

KETUA PENGARAH  
Dato' Dr. Firdaus Haji Abdullah

TIMBALAN KETUA PENGARAH  
Kamarul Zaman Shaharudin

PENGARAH PENERBITAN  
Zulkifli Salleh

KETUA BAHAGIAN PENYELARASAN  
PENERBITAN DAN KAWAL SELIA PENSWASTAAN  
Haji Khalid Haji Ahmad

REKA BENTUK KULIT DAN  
REKA LETAK HALAMAN  
Dawama Sdn. Bhd.

DICETAK OLEH  
Dawama Sdn. Bhd., Kompleks Dawama,  
Lot 1037, Jalan AL3/1,  
54200 Ampang/Hulu Kelang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-41074233, 03-41074206  
Faks: 03-41084235  
<http://www.dawama.com>

URUSAN LANGGANAN  
Unit Khidmat Pelanggan,  
Dawama Sdn. Bhd., Kompleks Dawama,  
Lot 1037, Jalan AL3/1,  
54200 Ampang/Hulu Kelang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-41074233, 03-41074206  
Faks: 03-41084235  
<http://www.dawama.com>

Dewan Ekonomi diterbitkan setiap bulan sejak Januari 1994. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disebarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Dewan Ekonomi. Segala sumbangan yang dikirimen, sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimen melalui pos.



## MENITI PELBAGAI KRISIS

**K**risis pinjaman subprima Amerika Syarikat (AS) adalah tanda awal krisis kredit yang bakal menyelubungi keseluruhan kewangan dunia. Berbilion-bilion dolar digunakan untuk menjamin gergasi-gergasi Wall Street daripada pinjaman rakus mereka. Nilai mata wang AS yang semakin lemah menambah kepada ketidakyakinan pelabur dan bank-bank besar dunia terhadap perkembangan ekonomi semasa yang mengancam keseluruhan sistem kewangan.

Lebih memburukkan lagi keadaan, dunia mengalami kenaikan harga minyak yang begitu tinggi. Dalam tempoh lima tahun sejak tahun 2003 harga minyak melambung berkali-kali ganda daripada AS\$25 setong hingga AS\$116 setong. Kenaikan harga minyak ini memberikan kesan yang besar kepada harga barangan dan perkhidmatan yang lain. Bertambah malang, kenaikan harga telah menimbulkan krisis makanan yang meruncing hingga menyebabkan berlaku rusuhan di Mesir dan Haiti baru-baru ini.

Dengan keadaan ini, bolehkah hiperinflasi dielakkan, sedangkan hiperinflasi telah pun menjadi fenomena di Zimbabwe? Adakah sejarah kemelesetan ekonomi akan berulang?

Isu ini tidak boleh dipandang ringan. Maka *Dewan Ekonomi* memberikan fokus kepada isu hiperinflasi. Sungguhpun kadar inflasi negara kita masih terkawal, letusan fenomena hiperinflasi akan memberikan kesan yang besar kepada beberapa generasi yang akan datang.

Dalam keluaran ini juga, *Dewan Ekonomi* menyiarkan perjalanan kerjaya Tun Daim Zainuddin yang telah berjaya mengelakkan Malaysia daripada terjerumus dalam krisis ekonomi. Beliau terus melangkah ke hadapan selepas bersara daripada jawatan Menteri Kewangan, menubuhkan International Commercial Bank (ICB) pada tahun 1991. Beliau berjaya mengemudi ICB menerobos pasaran kewangan antarabangsa, dan ICB berjaya tersenarai dalam Bursa Saham London pada tahun 2007. Dalam diam, beliau terus meniti kejayaan dalam perniagaan di peringkat antarabangsa.

Tun Daim Zainuddin tidak hanya bercakap tetapi tidak pernah diam daripada bekerja. Iktisawacaran dengan beliau, anak Melayu "glokak", yang telah meningkatkan citra Malaysia di mata dunia. ■

PADILAH HAJI ALI

Apabila menggunakan seluar, tulisan, atau cetakan nama, pastikan (di samping nama pena, jika ada) nombor akaun pengendali, alamat, nombor telefon, akaun CIMB Bank Simpanan Nasional (jika ada). Tanpa maklumat ini, surat-surat dalam kepada kami tidak akan diserahkan. Sila nyatakan sama ada maklumat yang diberikan kepada Dewan Ekonomi juga ditamakkan kepada penerbit lain. Sila lampirkan tulisan anda kepada: Editor Dewan Ekonomi, Bahagian Mawlah, Dewan Bahasa dan Pustaka, P.O. Surat 10003, 50926 Kuala Lumpur. No. Faks: 03-21484206. No. Telefon: 03-21484276, 03-21484272.

A portrait of Tun Daim Zainuddin, an elderly man with grey hair, glasses, and a mustache. He is wearing a traditional batik shirt with a complex floral and geometric pattern in gold and black. He is seated in a black leather office chair, looking off to the right. The background features a window with horizontal blinds, through which warm, golden light is streaming, creating a pattern of light and shadow. To the right, there is a dark wooden desk with a framed picture and a small glowing object on it.

Korporat

TUN DAIM ZAINUDDIN  
Pengasas dan Pemilik International Commercial Bank





# “Saya Tidak Pernah Diam.”

Oleh Muhammad Azli Shukri

**B**eberapa minggu sebelum Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12 (PRU-12) yang berlangsung pada 8 Mac 2008, tiada sesiapa pun yang mampu meramalkan “tsunami politik” bakal berlaku di seluruh negara. Semua rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu, sama sekali tidak menyangka keputusan PRU-12 menyaksikan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang berkuasa selama 50 tahun, gagal memperoleh 2/3 majoriti kerusi Parlimen di Dewan Rakyat. Sekali gus beberapa buah negeri BN, di utara Malaysia, jatuh ke tangan pembangkang.

Prestasi terburuk BN dalam PRU-12 bukanlah terjadi dengan tiba-tiba tanpa ada tanda atau signal awal yang diberikan oleh sesiapa. Namun demikian, sikap ambil mudah dalam kalangan pemimpin BN telah menyebabkan mereka memandang sepi segala amaran yang dihabarkan.

Beberapa minggu sebelum pembubaran Parlimen, amaran yang amat jelas diberikan oleh mantan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, bahawa tiga buah negeri, iaitu Kedah, Pulau Pinang, dan Selangor merupakan “kawasan panas” dan perlu diberi perhatian. Walau bagaimanapun, amarnya itu disambut dingin oleh Menteri Besar di ketiga-tiga buah negeri tersebut, yang akhirnya “kawasan panas” benar-benar menjadi panas untuk BN.

Bagi mereka yang tidak mengenali Daim secara dekat, amaranya itu mungkin dianggap omong kosong dan tidak masuk akal. Namun begitu, adalah jelas, bukan begitu sifat tokoh yang pernah didakwa oleh para wartawan sebagai “Tokoh Penuh Misteri” ini. Beliau begitu berhati-hati ketika memberikan sebarang pandangan, kecuali setelah mendapat petunjuk dan bukti yang tidak diragukannya lagi.

Kata-kata Daim banyak dijadikan rujukan, khususnya dalam perniagaan. Malah, tidak menghairankan apabila sesuatu kenyataan Daim mampu mempengaruhi pasaran saham



"Saya tidak pernah diam dalam melakukan kerja. Saya suka bersikap sederhana dan tidak banyak bercakap."

tempat, sama ada jatuh ataupun naik. Kenyataan bahawa "Daim Bersin, BSKL Demam" memang ada kebenarannya. Pada 5 Januari 1993, Daim pernah diwawancara oleh Bernama untuk mendapatkan pandangan beliau tentang keadaan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang melambung naik kerana "khabar angin" yang mendakwa Daim menguasai begitu banyak saham syarikat yang tersenarai di BSKL.

Bernama tidak menyiarkan kenyataan Daim serta-merta kerana bimbang memberikan kesan kepada pasaran. Lima hari kemudian, apabila dirasakan bahawa pandangan Daim tidak mengundang apa-apa kesan, pihak Bernama menyiarkan kenyataan Daim yang berbunyi, "Saya sudah jual semua saham saya di BSKL", walaupun hakikatnya Daim tidak memiliki saham di BSKL, tetapi kerana penafiannya selama ini tidak pernah diendahkan oleh masyarakat, maka Daim terpaksa bertindak sedemikian untuk menutup "khabar angin tersebut" daripada terus berleluasa.

Akibatnya, pasaran saham BSKL jatuh merudum. Banyak pelabur yang kerugian beribu-ribu ringgit

serta tidak kurang yang hilang harta benda dan yang lebih mengejutkan ada yang membunuh diri. Realiti ini menyebabkan Daim dikagumi dan disegani dalam dunia perniagaan domestik dan antarabangsa, seperti yang digambarkan oleh Lee Kuan Yew, bekas Perdana Menteri Singapura dengan menganggap Daim sebagai "The Maker and The Mover".

Sepuluh tahun yang lalu, Fatini Yaacob, bekas wartawan *Dewan Masyarakat* yang menulis isu popular Natrah, telah mendokumentasikan riwayat hidup insan yang penuh misteri ini di dalam bukunya berjudul *Daim yang Diam: Sebuah Biografi*. Buku ini mendedahkan siapakah Daim yang sebenar dan bagaimana beliau mengorbankan kepentingan perniagaannya demi membantu Tun Dr. Mahathir Mohamad menguruskan kewangan negara apabila dilantik sebagai Menteri Kewangan menggantikan tempat Tengku Razaleigh Hamzah pada 14 Julai 1984. Cabaran utama Daim dalam bidang kewangan bermula di sini. Beliau diminta menyediakan Belanjawan Negara 1985 dalam tempoh tiga bulan selepas dilantik, dan seterusnya menghadapi kemelesetan ekonomi pada awal tahun 1985 yang tidak pernah dialami mana-mana Menteri Kewangan sebelum itu.

"Apabila saya mengambil alih kementerian ini, segala gambaran

yang diberikan adalah elok dan baik. Enam bulan kemudian, segala-galanya buruk." Inilah kenyataan Daim tentang cabaran yang dihadapinya. Daim menggunakan formula tersendiri dalam menangani krisis ekonomi pada waktu itu yang berpunca daripada kejatuhan harga barang komoditi utama dunia. Formula Daim berjaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara daripada negatif 1.1 peratus pada tahun 1984, menjadi 8.9 peratus pada tahun 1989.

Setelah menutup mulut para pengkritiknya dengan kejayaan mengeluarkan Malaysia daripada krisis tersebut, Daim meletakkan jawatan pada tahun 1991 dan kembali ke dunia korporat. Namun demikian, lapan tahun kemudian, Daim dipanggil semula oleh Dr. Mahathir bagi menggantikan kabinetnya untuk membantu kerajaan menangani krisis kewangan yang melanda seluruh Asia pada ketika itu. Sekali lagi Daim membuktikan keupayaannya melaksanakan misi Dr. Mahathir menyelamatkan ekonomi Malaysia.

Meminjang judul buku Fatini, *Daim yang Diam*, sememangnya Daim terus berdiam, tetapi sering membuat kejutan. Beliau membuktikan jiwanya tetap dalam dunia korporat. Daim, sekali lagi meletakkan jawatannya sebagai Menteri Kewangan pada tahun 2001 setelah membantu Dr. Mahathir menyelesaikan masalah ekonomi

Anugerah yang diterima oleh Daim.





negara, sekali gus membuktikan beliau tidak mempunyai cita-cita besar dalam politik. Sikap dan prinsipnya ini menjadikan beliau terus dihormati.

Hakikatnya, Daim begitu istimewa, seorang insan yang pendiam, tetapi tidak pernah diam dalam bekerja. Mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang undang-undang, perniagaan, politik, ekonomi dan pentadbiran kerajaan. Namun begitu, beliau lebih cenderung dalam dunia perniagaan kerana cita-citanya yang mahu menjadi jutawan sebelum umur 35 tahun.

Daim belajar di Lincoln's London dalam bidang undang-undang pada tahun 1957. Beliau bekerja dengan beberapa buah syarikat guaman di Malaysia setelah pulang dari luar

untuk cepat kaya, Daim menggunakan duit tersebut untuk bermain saham. Pada permulaannya Daim mendapat keuntungan dan beliau semakin teruja.

Kemudian, beliau melabur lagi tanpa mepedulikan keadaan yang mempengaruhi turun naik pasaran saham. Tragedi rusuhan kaum 13 Mei menyebabkan pasaran saham jatuh dan Daim menanggung kerugian yang amat besar. Beliau bersumpah tidak akan bermain saham, selagi benar-benar belum mahir.

Daim pernah terpengaruh dengan rakannya bernama Low Kiok Bow yang mendakwa Daim tidak akan menjadi jutawan dengan syarikat guamannya itu, sebaliknya mencadangkan beliau

sebuah syarikat guaman sehinggalah kegagalan bermain saham dan menutup dua buah kilang miliknya, Daim telah kehilangan beratus ribu ringgit.

Walau bagaimanapun, Allah Maha Penyayang, Daim tidak berputus asa dengan cita-citanya untuk menjadi jutawan sebelum umur 35 tahun. Melalui kerjasama dengan Thamby Chik dan Low Kiok Bow, mereka dapat menghidu peluang perniagaan dalam bidang hartanah. Melalui syarikat Daim, iaitu Maluri, mereka memohon daripada kerajaan Selangor yang diterajui Datuk Harun Idris untuk mendapatkan tanah di kawasan Cheras berdekatan dengan Kampung Pandan untuk membina projek perumahan dan rumah kedai. Pelbagai masalah yang dihadapi Daim



"saya hanya memilih pekerja yang mahir sahaja dalam bidangnya. Saya hanya memberikan garis panduan tentang apa-apa yang saya mahu laksanakan dan saya akan mengawasi prestasi mereka. Jika mereka tidak boleh mengikut cara saya, mereka boleh berhenti."

negara. Beliau turut berkhidmat dengan kerajaan sebagai Majistret di Johor Baru, Presiden Mahkamah Seksyen di Muar dan Timbalan Pendakwa Raya di Ipoh. Berhenti setelah tiga tahun berkhidmat kerana berasa bahawa ini bukan impian yang diharapkan. Kembali memasuki firma swasta dengan tawaran gaji yang cukup lumayan di syarikat guaman *Allen and Gledhill*.

Setelah lima tahun dalam syarikat tersebut, Daim berhenti dan membuka firmannya sendiri yang dinamakan *Daim and Co*. Beliau mendapat pinjaman RM10 000 daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA). Oleh sebab ghairah

membuat perniagaan menjual garam. Daim mula membuka kilang garam dan menjualnya, tetapi ternyata projek ini sekali lagi menemukan kegagalan kerana faktor persaingan dan kos penyimpanan garam adalah tinggi. Malah, beliau terpaksa menanggung hutang yang begitu besar.

Walau bagaimanapun, Daim masih boleh bernafas kerana mempunyai sebuah lagi kilang, iaitu kilang plastik. Kilang ini juga akhirnya terpaksa ditutup kerana menghadapi cabaran persaingan dan masalah pekerjaannya yang mogok. Akhirnya, Daim mula belajar daripada semua kegagalannya ini. Daripada

termasuk kerenah birokrasi dan orang politik, selain beliau juga terpaksa berhadapan dengan masyarakat setinggan yang sukar bertolak ansur.

Segala kesukarannya itu akhirnya berbaloi dan Daim berjaya membina Taman Maluri yang membawanya menjadi seorang jutawan dan menyelesaikan semua hutangnya. Semenjak itu, Daim terus mencipta kejayaan demi kejayaan tanpa menoleh ke belakang lagi. Kejayaan Taman Maluri menyebabkan Daim menjadi terkenal dalam dunia korporat dan politik. Beliau ditawarkan untuk menjadi calon dalam pilihan raya oleh Tun Razak, tetapi

ditolak kerana ingin menumpukan perhatian pada perniagaan.

Minat Daim dalam dunia perbankan bermula setelah dilantik oleh Tan Sri Sanusi Junid sebagai Pengerusi Bank Rakyat. Menurut Daim, "Saya dilantik oleh Sanusi Junid sebagai Pengerusi Bank rakyat, beliau Menteri Pertanian ketika itu. Itulah kali pertama saya terlibat dan berjalin-jinak dengan bank. Menarik juga ketika itu, saya jadi pengerusi, menjaga duit orang. Kalau dapat buat bank sendiri lagi bagus."

Daim menceburi sektor perbankan secara agresif bermula tahun 1980-an dengan menguasai Malaysia-French Bank daripada pemiliknnya berbangsa Perancis yang kemudiannya dijual kepada Multi-Purpose Holding Berhad. Pada tahun 1984, Daim menguasai pula United Malayan Banking Corporation (UMBC), bank ketiga terbesar di Malaysia ketika itu. Namun demikian, kedua-dua buah bank tersebut terpaksa dilepaskannya setelah dilantik sebagai Menteri Kewangan.

Selepas persaraan kali pertama pada tahun 1991, Daim menubuhkan International Commercial Bank (ICB), sebuah syarikat pelaburan yang ditubuhkan di Switzerland. Pada bulan April 1994, bank pertamanya memasuki Republik Czech diikuti cawangan kedua di Hungary tiga bulan kemudiannya. ICB semakin berkembang pada tahun 1996 apabila membuka cawangannya di Guinea dan Ghana.

Setahun kemudian, Daim menguasai Hock Hua Bank (Sabah) melalui Langkah Bahagia Sdn. Bhd, tahun yang sama ICB bertapak di Tanzania dan Albania. Tahun berikutnya, ICB sudah pun berada di Mozambique. Penguasaan Daim dalam Hock Hua Bank tidak lama, sekitar tiga tahun sahaja apabila terpaksa melupuskan segala kepentingannya setelah dilantik sebagai Menteri Kewangan oleh Dr. Mahathir bagi menghadapi krisis ekonomi yang meruncing pada tahun 1999.

Pada tahun 2001, Daim bersara untuk kali kedua. Kemudian, menubuhkan ICB Global Management pada tahun yang sama. Setahun selepas itu, beliau

membuka ICB di Sierra Leone. Pada tahun 2003, Daim menubuhkan ICB Financial Group Holdings dan melabur dalam Bank Antarabangsa Indonesia melalui konsortium Sorak Financial Holdings yang diketuai Temasek Holdings.

Tahun 2004 menyaksikan Daim menguasai Bank Bumiputera Indonesia dengan pegangan 58.41 peratus, di samping membuka sebuah lagi cawangan di Gambia. Pada tahun yang sama, ICB menerima anugerah "Bank of The Year" buat kali pertama daripada majalah *The Banker*. ICB turut mengekalkan anugerah ini untuk tiga tahun berturut-turut, iaitu pada tahun-tahun 2005, 2006 dan 2007.

ICB memasuki Senegal pada tahun 2005 dan memasuki Djibouti setahun kemudian, iaitu pada tahun yang sama Daim menerima anugerah Africa Investor 2006 sebagai Pemimpin Perniagaan Antarabangsa. ICB disenaraikan di Bursa London pada tahun 2007 serta

menjual ICB Hungary pada tahun tersebut. Tahun berikutnya pula, ICB menajul 20 peratus kepentingannya dalam Sorak Financial Holdings dan pada 3 Mac 2008 yang lalu, Daim menguasai 50.1 peratus kepentingan dalam Oriental Bank di Bangladesh. Ketika ini, ICB mempunyai lebih daripada 1100 pekerja di 11 buah negara.

Daim sememangnya layak untuk berbangga dengan apa-apa yang telah dicapainya selama ini. Baik musuh mahupun kawan, sesungguhnya mereka percaya, Daim begitu berjasa kepada negara sama ada sebagai penyelamat, ahli korporat, ataupun ahli politik. Sesungguhnya, ahli-ahli korporat besar yang berjaya pada masa ini, sama ada mahu atau tidak, mereka tetap akan dikaitkan dengan tokoh penting ini. Meminjam kata-kata Peter Drucker, "Kebolehan seseorang eksekutif diuji apabila dia boleh membuat orang biasa mencapai kejayaan yang luar biasa."

ICB di peta dunia.

